



18 Disember 2017  
18 December 2017  
P.U. (A) 390

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERINTAH PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN  
(PENETAPAN SEKURITI DAN SEKURITI ISLAM)  
(NOTA PELABURAN DAN NOTA PELABURAN ISLAM)  
(PINDAAN) 2017

*CAPITAL MARKETS AND SERVICES (PRESCRIPTION OF  
SECURITIES AND ISLAMIC SECURITIES)  
(INVESTMENT NOTE AND ISLAMIC INVESTMENT NOTE)  
(AMENDMENT) ORDER 2017*

DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN 2007

PERINTAH PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN (PENETAPAN SEKURITI DAN SEKURITI ISLAM) (NOTA PELABURAN DAN NOTA PELABURAN ISLAM) (PINDAAN) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 5 Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*], Menteri, atas syor Suruhanjaya, membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Penetapan Sekuriti dan Sekuriti Islam) (Nota Pelaburan dan Nota Pelaburan Islam) (Pindaan) 2017**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 20 Disember 2017.

**Pindaan perenggan 2**

2. Perintah Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Penetapan Sekuriti dan Sekuriti Islam) (Nota Pelaburan dan Nota Pelaburan Islam) 2016 [*P.U. (A) 126/2016*] dipinda dalam perenggan 2 dengan menggantikan subsubperenggan (d) dengan subsubperenggan yang berikut:

“(d) penyata, buku akaun atau dokumen lain yang menunjukkan apa-apa baki dalam—

(i) akaun semasa, deposit atau simpanan; atau

(ii) akaun pelaburan sebagaimana yang ditakrifkan dalam subseksyen 2(1) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [*Akta 759*];”.